

Malaysia ada asas kukuh bantah tambak laut: PM

BH 13 APR 2002

Oleh Zulkiii Md Ali,
Veena Rusli dan
Azman Mahmood

KOTA BHARU, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia mempunyai asas kukuh apabila mengemukakan bantahan berhubung isu penambakan laut yang dilakukan Singapura berhampiran perairan Johor.

yang dilaporkan masih kabur mengenai kebimbangan Malaysia.

Goh dalam laporan yang disiarkan menerusi sebuah stesen televisyen di Singapura semalam, berkata republik itu akan menangani kebimbangan Malaysia tetapi tidak pasti apa yang dikhawatiri Malaysia, sama ada kualiti air, pendapatan nelayan atau perubahan sempadan.

Goh berkata, Menteri Pem-

Krisis MCA: PM akan temui Dr Ling, Lim - Muka 2

Sehubungan itu, Perdana Menteri mahu republik berkenaan membuktikan aspek yang didakwa tidak berasas kerana bagi Malaysia bantahan yang dikemukakan itu cukup jelas.

"Kenapa tidak berasas? Kita kena tahu (apa yang) tidak berasas. Dia (Singapura) kena tunjuk apa yang (dimaksudkan dengan) tidak berasas (sedangkan) kita berpendapat ia berasas," katanya kepada pemberita selepas majlis perjumpaan dengan pegawai dan kakitangan Persekutuan sempena lawatannya ke Kelantan, hari ini.

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas reaksi terbaru Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong

bangunan Negara republik itu, Mah Bow Tan, memaklumkan bantahan Malaysia tidak ada asas langsung.

Isu penambakan laut di Selat Tebrau berhampiran perairan Johor mendapat perhatian selepas *Berita Harian* menyiarkan kebimbangan pelbagai pihak di Johor mengenai kesan projek itu yang boleh menjejaskan laluan kapal di kawasan berkenaan, alam sekitar dan pendapatan nelayan.

Oleh itu, kerajaan Malaysia mengemukakan dua nota bantahan, tetapi isu itu mencetuskan kontroversi apabila beberapa Ahli Parlimen Singapura mencemuh

LIHAT MUKA 2

Malaysia mesti bertindak tegas

DARI MUKA 1

membabitkan rakyat Singapura.

"Kita juga berpendapat lebih baik kerajaan mengambil alih tugas kawal selia pulau terbabit kerana kedudukannya agak strategik. Ia boleh dilakukan dengan menempatkan pangkalan Polis Marin atau pos kawalan keselamatan kita," katanya.

Beliau juga mengakui memang ada perjanjian yang sepatutnya perlu diubah suai sekarang.

"Kita tahu memang ada perjanjian tertentu yang dikatakan memberi hak kepada Singapura menggunakan pulau berkenaan untuk tujuan tertentu yang dikatakan ditandatangani pada zaman pemerintahan British."

"Iu masa British. Sekarang kita sudah merdeka dan mempunyai hak sebagai sebuah negara berdaulat."

"Adakah perjanjian dahulu itu masih relevan? Seperti juga perjanjian berhubung bekalan air ke Singapura dan soal berkaitan penempatan pangkalan

tentera laut Malaysia di Woodlands yang boleh dipindah.

"Kalau Singapura boleh meminta kita memindahkan pangkalan tentera laut dari Woodlands ke pangkalan baru di Tanjung Pengeh, Kota Tinggi, kenapa tidak kita pula minta mereka mengubah rumah api yang terletak di Pulau Pisang ini ke kawasan mereka," tegasnya.

Justeru, beliau mengesahkan semua perkara berkaitan hubungan dua hala dengan Singapura diubah tanpa membataskannya kepada isu bekalan air, tanah milik Keretapi Tanah Melayu di Tanjung Pagar, malah meliputi penggunaan pulau milik negara ini.

Katanya, Malaysia sudah banyak bertolak ansur dengan Singapura dan sudah tiba masanya negara ini bertindak tegas terhadap perkara yang tidak memberi sebarang faedah.

"Malah tindakan Singapura sejak kebelakangan ini nampaknya semakin menyulitkan keadaan. Sebab itu, apa juga perjanjian dua hala kedua-dua negara

perlu dikaji semula secara serius termasuk penggunaan pulau milik negara ini oleh Singapura," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Tanjung Kupang, Gelang Patah, Mohamad Yassin Hassan, berharap kerajaan mengambil iktibar dari peristiwa seorang warga Singapura yang dikesan pernah mencerohi Pulau Merambong, yang terletak di antara Laluan Kedua Johor-Singapura dan Tanjung Piatu, Kuala Tuas di Jurong.

Warga Singapura itu dikesan menduduki dan memternak itik di pulau itu kerana mendakwa pulau itu milik negaranya.

Bagaimanapun, pemimpin setempat termasuk penghulu serta ketua kampung yang menyedari tindakan warga Singapura itu, bertegas dan mengambil inisiatif menghalaunya dari pulau yang hanya berkeluasannya kira-kira 10 hektar.

Berikutan peristiwa beberapa tahun lalu itu, Mohamad Yassin meminta kerajaan lebih berwaspada kerana keadaan serupa boleh berlaku, terutama di kepulauan yang tidak dapat

dipastikan lagi statusnya.

Beliau turut membawa wakil *Berita Harian* meninjau pulau berkenaan yang berada pada jarak kurang satu batu nautika dari jeti Kampung Tanjung Adang dan kira-kira beberapa ratus meter dari Tuas.

Turut mengiringi, Ketua Kampung Tanjung Adang, Hussein Atan dan Ketua Kampung Pok, Masood Abdul Rahman. Tinjauan mendapati ada tanda batu dipasang Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia di pulau terbabit, selain beberapa perkuburan lama.

Selain itu, ada sebuah rumah api yang dikatakan milik Singapura yang sudah tidak berfungsi, selain sampah termasuk bungkusan makanan berselerak di atas pantai pulau itu.

Pulau terbabit sering dikunjungi nelayan dan anak muda kampung untuk bersantai.

Sebelum ini, pemimpin tempatan ada menyuarakan pandangan supaya dibina sebuah pos kawalan di pulau terbabit yang terletak kurang 200 meter dari Pelabuhan Singapura di Tuas.